

Praktis Tatabahasa

A. Lengkapkan ayat-ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang paling sesuai.

- 1 Atlet rumah sukan merah itu berlari dengan _____nya ke garisan penamat untuk mendapatkan tempat pertama.
A ligat C pantas
B hebat D gigih
- 2 Abang Fateh mengucapkan terima kasih kepada Doktor Alex kerana _____ telah merawat ibunya sehingga sembuh.
A dia C mereka
B beliau D kalian
- 3 Penyakit kanser otak yang semakin serius menyebabkan beliau perlu menjalani rawatan _____.
A autopsi C demonstrasi
B eksperimen D kemoterapi
- 4 Darwin menyikat _____ dengan kemasnya sebelum berangkat ke sekolah.
A rambut C seluar
B kepala D baju

B. Padankan kata adjektif yang paling tepat berdasarkan ayat yang diberikan.

1 Buah mangga yang dibeli oleh Pak Samad itu _____ rasanya.	singkat
2 Masa yang diambil oleh pelari itu untuk menamatkan lariannya sangat _____.	jernih
3 Fazli berasa _____ kerana dia memperoleh keputusan comorlang dalam peperiksaan.	manis
4 Air sungai yang _____ itu kelihatan bersih dan airnya boleh digunakan.	kurus
5 Murni semakin _____ kerana dia kerap bersukan dan makan makanan yang sihat.	gembira



Revisi Pantas

Kata Nama

- Kata nama terdiri daripada kata nama am, kata nama khas, dan kata ganti nama.
- Contoh kata nama am: kakak, burung, klinik, kasa
- Contoh kata nama khas: Cikgu Hanim, Doktor Devi
- Contoh kata ganti nama: saya, awak, beliau, kita

Kata Pinjaman

- Kata pinjaman ialah kata yang diambil daripada bahasa asing dan disesuaikan dalam bahasa Melayu untuk membentuk satu kata.
- Contoh kata pinjaman dari pelbagai bahasa asing: vokasional, dwibahasa, mahasiswa, karyanita, hadirin, antibiotik, idealis

Kata Adjektif

- Kata adjektif berfungsi untuk menerangkan keadaan atau bagi sesuatu kata nama atau kata.
- Kata adjektif terdiri daripada bentuk iaitu kata adjektif tunggal, ganda, dan majmuk.
- Contoh kata adjektif tunggal: kuat, rajin, gelap, kaca
- Contoh kata adjektif ganda: tercantik, selarak, gelantuk
- Contoh kata adjektif majmuk: merah-merah, sunyi-sepi, kecilan, kebiru-biruan
- Kata adjektif boleh dikanai apabila sesuatu kata mendapat penguat. Contoh: paling, sekali, amat, sangat, sungguh